

FAQ PERMOHONAN LESEN IMPORT (AP) SISA PLASTIK KE MALAYSIA

1. Adakah saya masih boleh memohon AP Sisa Plastik daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)?

Tidak. Bermula 2 Februari 2015, JPSPN telah diwartakan untuk mengeluarkan AP Sisa Plastik.

2. Siapa yang boleh membuat permohonan?

Pemohon hendaklah mempunyai premis kilang dan menepati syarat-syarat yang ditetapkan sebelum mengemukakan permohonan.

3. Bolehkah saya mengimport masuk sisa plastik dan membuat permohonan setelah konsaimen tiba di pelabuhan?

Tidak. AP perlu diluluskan terlebih dahulu sebelum sebarang proses pengimportan dimulakan sepertimana termaktub dalam Jadual II Bahagian II, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) 2015.

4. Apakah prosedur bagi memohon AP?

- i. Berdaftar dengan Bahagian Kelulusan dan Pelesenan, JPSPN (Borang pendaftaran dan senarai semak boleh didapati di laman web JPSPN di www.kpkt.gov.my/jpspn_2013)
- ii. Mendapatkan surat kelulusan pengeksport (permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Bahagian Teknologi Penyelidikan, Sisa Binaan dan Industri, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp))
- iii. Memohon AP secara *online* melalui sistem ePermit di laman web <http://epermit.dagangnet.com/>

5. Bagaimanakah jenis pengeluaran AP yang akan dikeluarkan?

AP akan dikeluarkan berdasarkan *single usage* dan *single consignment (per shipment)*.

6. Berapakah tempoh masa yang diambil untuk mendaftar dengan JPSPN?

7 hari bekerja (sekiranya dokumen lengkap diberikan).

7. Berapakah tempoh masa yang diambil untuk memproses surat kelulusan pengeksport?

7 hari bekerja (sekiranya dokumen lengkap diberikan).

8. Berapakah tempoh masa yang diambil untuk memproses AP?

5 hari bekerja (sekiranya dokumen lengkap diberikan).

9. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan untuk permohonan AP Sisa Plastik?

- i. Gambar sebenar bahan yang hendak diimport;
- ii. Invois dari pengeksport;
- iii. Lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- iv. Surat pematuhan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS); dan
- v. Surat kelulusan pengeksport daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN).

10. Siapa boleh saya hubungi sekiranya terdapat sebarang kemusykilan?

Berkenaan pendaftaran dan permohonan AP, sila hubungi :

- a. Cik Siti Noraini binti Md Yusof 03-88914579 sitioraini@kpkt.gov.my

- | | | |
|--|-------------|--|
| b. Puan Noor Hazira binti Abd Rahman | 03-88914572 | hazira@kpkt.gov.my |
| c. Puan Suhaily binti Saleh | 03-88914576 | suhailysaleh@kpkt.gov.my |
| d. Puan Nor Asmah binti Muhammed Za'ba | 03-88914571 | norasmah@kpkt.gov.my |

Berkenaan permohonan pengeksport, sila hubungi :

- | | | |
|---|--------------------|--|
| a. Puan Aini Hairida binti Mohamad Abas | 03-22459292 / 9245 | aini@swcorp.my |
| b. Puan Norfarhaniza Binti Nordin | 03-22459468 | norfarhaniza@swcorp.my |
| c. Puan Qatrun Nada Binti Abd Rahim | 03-22459590 | nada@swcorp.my |

Berkenaan sistem ePermit, sila hubungi :

Dagang Net Technologies Sdn Bhd
Pusat Perkhidmatan Pelanggan @ Careline
Tower 3, Avenue 5, The Horizon, Bangsar South,
No. 8, Jalan kerinchi
59200 KUALA LUMPUR

Waktu Beroperasi: 24 jam (7 hari seminggu)
Telefon: 1-300-133-133
Fax: 03-27132990
Emel : careline@dagangnet.com
Web: <http://www.dagangnet.com>